

## Hutan terbakar merebak seluas 242 padang bola

**JOHOR BAHRU** - Pemangku Raja Johor, Tunku Ismail Sultan Ibrahim berkenan berangkat meninjau lokasi kebakaran hutan di Jalan Tanjung Kupang, Kampung Pekajang, Gelang Patah dekat sini semalam.

Tunku Ismail yang juga Tunku Mahkota Johor diberikan taklimat perkembangan terkini operasi pemadaman api yang membabitkan kekuatan lebih 70 pegawai dan anggota oleh Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Johor, Datuk Yahaya Madis.

Menerusi catatan dan beberapa gambar yang dimuat naik dalam laman Facebook rasmi Tunku Ismail, HRH Crown Prince of Johor, baginda turut melakukan lawatan ke Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tanjung Adang yang mempunyai seramai 200 pelajar, di mana sekolah itu terletak berhampiran dengan kawasan kebakaran tersebut.

Pada lawatan itu, Tunku Ismail turut menitahkan supaya sekolah berkenaan ditutup sementara demi kesihatan pelajar-pelajar.

Kebakaran hutan sejak 21 Ogos lalu itu merebak sehingga seluas 98 hektar dipercayai akibat cuaca panas dan kering yang melanda negeri ini.

Keluasan itu bersamaan dengan 242 padang bola. Satu padang bola bersamaan 0.4 hektar. - Bernama



**TUNKU ISMAIL** (tiga dari kiri) bersalaman dengan pelajar SMK Tanjung Adang ketika meninjau lokasi kebakaran hutan di Gelang Patah semalam.



**PEGAWAI** pasukan keselamatan memberikan taklimat kepada Tunku Ismail mengenai keadaan terkini kebakaran hutan di Kampung Pekajang, Gelang Patah semalam.



**ANGGOTA** bomba bertungkus-lumus memadamkan kebakaran yang mengakibatkan kawasan hutan di Kampung Pekajang, Gelang Patah terbakar seluas 98 hektar sejak Rabu lalu.

Elak pelajar terdedah kepada asap kebakaran hutan

## Dua sekolah diarah tutup

Oleh SHARKAWI LONDING

**JOHOR BAHRU** - Dua buah sekolah iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tanjung Adang dan Sekolah Kebangsaan (SK) Tanjung Adang ditutup dua hari bermula semalam sehingga hari ini.

Arahan itu dikeluarkan ekoran kedudukan dua buah sekolah berkenaan yang terlalu hampir dengan lokasi kejadian kebakaran hutan di Kampung Pekajang, Gelang Patah sejak Rabu lalu.

Timbalan Pengarah Pendidikan (Pengurusan Sekolah) Negeri Johor, Ab. Rahim Lamin berkata, pe-

nutupan sekolah berkenaan adalah bagi memastikan tahap kesihatan pelajar tidak terjejas kerana terdedah dengan udara kotor.

Menurutnya, pengisytiharan cuti berkenaan diklasifikasikan sebagai isu bencana.

"Pihak kami sudah buat tinjauan di kedua-dua sekolah berkenaan, puncanya sekarang adalah kualiti asap yang kami fikir boleh mendatangkan kesan tidak sihat.

"Jadi selepas menerima nasihat daripada Jabatan Alam Sekitar, Pegawai Daerah Johor Bahru dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Johor, kita

ambil keputusan agar dua sekolah itu ditutup selama dua hari," katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Ab. Rahim berkata, pihaknya juga akan mempertimbangkan lanjutan cuti kepada dua sekolah berkenaan sekiranya keadaan kebakaran di kawasan itu belum dapat diatasi sepenuhnya.

"Esok (hari ini) kita akan dapatkan lagi nasihat daripada pihak-pihak yang berkaitan ini, jika belum boleh diteruskan kita akan lanjutkan cuti," katanya.

Terdahulu, Pemangku Raja Johor, Tunku Ismail Sultan Ibrahim mahu SMK

Tanjung Adang ditutup sementara waktu demi memastikan tahap kesihatan pelajar-pelajar tidak terjejas.

Titah berkenaan dinyatakan baginda selepas melakukan lawatan ke sekolah itu semalam berhubung insiden kebakaran hutan berkenaan.

SMK Tanjung Adang mempunyai 245 pelajar, manakala SK Tanjung Adang pula mempunyai 148 murid.

Kebakaran hutan itu bermula sejak Rabu lalu dengan kira-kira 60 peratus daripada keseluruhan 98 hektar kawasan yang terbakar itu berjaya dipadamkan setakat ini.